



21 JUN, 2026

LEBIH 200 RUMAH ROSAK

Metro Ahad, Malaysia



BERCHAM DIBADAI RIBUT

LEBIH 200 RUMAH ROSAK

Ipoh

Lebih 200 rumah di tujuh kawasan perumahan di sekitar Anjung Bercham di sini rosak akibat dilanda ribut petang kelmarin.

Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kinta dalam kenyataan hari ini memaklumkan kejadian berlaku sekitar 3.47 petang hasil maklumat yang disalurkan oleh Penghulu Mukim Ulu Kinta (Tanjung Rambutan).

"Bertindak daripada maklumat tersebut, tiga anggota APM telah diarahkan untuk membuat pemantauan ke kawasan berkenaan.

"Antara kawasan terjejas, Dataran Tasek Timur 6 dengan anggaran 177 rumah, Hala Tasek Timur 1 dan Lorong Bercham 19 masing-masing melibatkan 22 rumah, Hala Tasek Timur 34 (10 rumah), Laluan Tasek Timur 15 (lima rumah) serta Lintasan Tasek Timur 1 dan Lintasan Tasek Timur 3 yang masing-masing melibatkan dua rumah," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan Majlis Bandaraya



ANTARA 200 rumah yang terkesan dilanda ribut dalam kejadian pada jam 3.47 petang.

Ipoh (MBI) turut menghantar pasukan ke lokasi pada 5.05 petang bagi melaksanakan kerja pember-

sihan, termasuk mengalihkan pokok tumbang yang menghalang laluan dan mengancam keselamatan

penduduk.

Pada masa sama, kejadian itu turut menyebabkan beberapa tiang elektrik

tumbang di kawasan perumahan dan jalan raya, dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah me-

mutuskan bekalan elektrik di kawasan terlibat untuk sementara waktu sebagai langkah keselamatan.

Selain itu, Dewan Datuk Ahmad Said kini diletakkan dalam keadaan siap siaga sebagai pusat pemindahan sementara (PPS), manakala Pegawai Daerah Kinta telah mengarahkan semua agensi berkaitan supaya bersiap sedia susulan kejadian berkenaan yang turut menyaksikan hujan lebat selama lebih sejam.

Sementara itu, PKOD APM Kinta memaklumkan hujan lebat berterusan kira-kira satu jam 30 minit menyebabkan banjir di kawasan Kampung Tanjung Simpang Pulau yang menjejaskan kira-kira 60 rumah.

PKOD APM Kinta turut memaklumkan mereka telah menerima panggilan daripada ketua kampung untuk membuat pemantauan banjir di Kampung Tanjung Simpang Pulau pada 7.56 malam.

"Keadaan cuaca kini hujan renyai. Paras air dalam trend menurun dan semakin surut," menurut kenyataan itu.

PKOD APM Kinta memaklumkan setakat ini tiada pembukaan PPS.